

## Klana Resort Seremban hargai ibu

**SEREMBAN** - Bagi meraikan wanita yang bergelar ibu, buat julung kalinya Klana Resort Seremban mengadakan majlis sambutan Hari Ibu secara besar-besaran di ruang legar hotel berkenaan, kelmarin.

Suasana lebih meriah apabila kesemua ibu yang hadir mengenakan pakaian Bollywood, selari dengan tema majlis.

Pengurus Besar Klana Resort Seremban, Yazid Mustaffa berkata, seramai 160 ibu menyertai majlis sambutan berkenaan.

"Selain masyarakat setempat, kita juga

gembira dengan kehadiran Persatuan Badan Kebajikan Angkatan Tentera (Bakat) Tentera Udara Malaysia yang turut serta memeriahkan majlis," katanya.

Pada majlis itu, pelbagai acara disediakan; antaranya persembahan fesyen, demonstrasi memasak, cabutan bertuah, persembahan nyanyian daripada artis Shawn dan Hardy, serta buffet istimewa untuk hi-tea.

**Yazid (tengah)** bersama golongan ibu yang hadir pada sambutan Hari Ibu di Klana Resort Seremban, kelmarin.

